

20/09/1999

M Kayveas terus pimpin PPP

MELAKA, Ahad - Datuk M Kayveas akan terus memimpin Parti Progresif Rakyat (PPP) walaupun Mahkamah Tinggi Seremban, semalam memutuskan pengiktirafan beliau sebagai presiden parti oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS), terbatal dan tidak sah.

Bercakap kepada pemberita sebelum mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi PPP di sini, petang ini, Kayveas berkata keputusan itu tidak akan menjejaskan semangat beliau untuk terus memberi sumbangan kepada parti.

Malah, beliau mendakwa dengan lebih 250,000 ahli PPP di seluruh negara yang menyokong kepemimpinannya, beliau akan semakin gigih membantu Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

Menurut Kayveas, beliau tidak akan membuat rayuan terhadap keputusan mahkamah kerana tindakan lanjut akan bergantung kepada keputusan ROS yang akan diumumkan dalam sehari dua ini.

"Sebenarnya, kes ini berpunca oleh individu tertentu yang iri hati terhadap keupayaan saya memimpin parti dan antara mereka sudah diisytiharkan muflis," katanya.

Kayveas menjelaskan, sebelum ini, PPP sudah menghadapi lebih lima kes yang dibawa oleh individu yang sama dan hampir semua kes yang dibicarakan, mempunyai butir-butir yang hampir sama dan di hadapan hakim yang sama.

"Ahli PPP sudah semakin matang untuk menghadapi situasi begini dan keadaan ini jauh berbeza berbanding 10 tahun lalu.

"Sejak menerajui parti ini pada 1993, kedudukan PPP sudah semakin kukuh dan mampu mewujudkan lebih 1,000 bahagian di seluruh negara," katanya.

Berikutan keputusan itu, Hakim Datuk Mohamed Noor Abdullah, dalam penghakimannya semalam, turut memutuskan pertukaran ibu pejabat PPP, penubuhan cawangan, logo, pertukaran nama parti dalam bahasa Melayu dan pindaan perlembagaan adalah tidak sah.

Bagaimanapun, Mohamed Noor menolak dua daripada lima deklarasasi yang dituntut oleh plaintif, PV Das iaitu memohon mahkamah mengeluarkan perintah supaya beliau (Das) sebagai presiden yang sah dan anggota jawatankuasa eksekutif Pusat (CEC)nya juga sebagai anggota yang sah; serta memohon ibu pejabat berdaftar PPP bukan ditaja Kayveas.

Menurut Kayveas, beliau mengambil alih jawatan presiden daripada S I Rajah kerana Rajah sudah diisytiharkan muflis.

Beliau berkata, tiga tahun selepas memegang jawatan presiden, beliau terus mengadakan pemilihan parti bagi memastikan parti dapat bergerak dengan lebih berkesan.

Sementara itu dalam sidang akhbar di sini, Das berkata beliau akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secepat mungkin.

Beliau juga mendakwa masih menjadi Setiausaha Agung PPP yang sah dan tiada seorang pun ahlinya yang melompat masuk ke dalam parti MIC.

(END)